

PERADUAN “BERSAHUR BERSAMA SERI-AJI®” TERMA & SYARAT

Peraduan “Bersahur Bersama Seri-Aji®” ini dianjurkan oleh Ajinomoto Malaysia (‘Penganjur’). Peraduan ini akan bermula dari 27hb Februari 2023 sehingga 23hb April 2023 (‘Tempoh Peraduan’).

Dengan menyertai dan mengambil bahagian dalam Peraduan ini peserta bersetuju dengan Terma & Syarat Peraduan ini. Penganjur berhak untuk meminda Terma & Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

Tempoh Peraduan -

1. Peraduan ini akan bermula dari 27hb Februari 2023 sehingga 23hb April 2023 (8 Minggu).

Kelayakan -

1. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas dengan kad pengenalan yang sah kecuali kakitangan Pihak Penganjur, syarikat-syarikat gabungannya, pengedar, agensi pengiklanan dan syarikat promosi jualan serta ahli keluarga terdekat mereka.
2. Bukti pembelian (Resit) produk Penganjur diperlukan sebagai bukti penyertaan. Kegagalan mengemukakan bukti penyertaan atas permintaan semasa penebusan hadiah akan menyebabkan penyertaan dibatalkan.

Mekanisme Peraduan & Penyertaan -

Cara penyertaan:

1. Beli mana-mana Perencah Seri-Aji® berjumlah RM6 ke atas dalam satu (1) resit tunggal (termasuk dua (2) paket Seri-Aji® Perencah Nasi Goreng).
2. Ambil gambar resit bukti pembelian bersama dua (2) paket Nasi Goreng Seri-Aji® dalam sekeping gambar.
3. Layari <https://www.ajinomoto.com.my/promotion/sahurcontest2023>, lengkapkan maklumat dan muatnaik gambar tersebut atau hantarkannya melalui WhatsApp di nombor +6011-5110 5031.

Penyertaan:

- 1) Pemenang perlu mengemukakan bukti pembelian asal (jika diminta) semasa penebusan hadiah.
- 2) Satu resit layak untuk satu penyertaan sahaja.
- 3) Peserta boleh menyertai peraduan ini lebih daripada satu kali dengan resit pembelian berlainan.
- 4) Jika lebih daripada satu penyertaan dikemukakan menggunakan resit yang sama, jumlah penyertaan akan dikira sekali sahaja.
- 5) Penyertaan menerusi laman web dengan melayari <https://www.ajinomoto.com.my/promotion/sahurcontest2023> dan WhatsApp +6011-5110 5031.
- 6) Penyertaan melalui pos tidak akan diterima.
- 7) Kesemua peserta yang menyertai peraduan ini berpeluang untuk memenangi Hadiah Utama.

Pemenang dan Hadiah -

Pemilihan pemenang untuk semua jenis hadiah akan dipilih secara cabutan bertuah dan rawak.

- 1) Pemilihan pemenang:
 - a) 5 Hadiah Utama
 - i) 5x Set Cosmic Cookware & Wang Tunai bernilai RM500.00
 - b) 20 Hadiah Bulanan
 - i) 10x Set Balang Raya Eksklusif & Wang Tunai bernilai RM300.00 setiap bulan -
(Pemenang akan diumumkan setiap 1 bulan)
 - c) 100 Hadiah Mingguan
 - i) 25x Kredit TnG E-Wallet bernilai RM50.00 setiap dua minggu sekali
- 2) Jadual Pemenang
 - a) Hadiah Utama
 - i) 27 Feb 2023 - 23 April 2023 [5 Pemenang]
 - b) Hadiah Bulanan
 - i) Pusingan 1: 27 Feb 2023 - 26 Mac 2023 [10 Pemenang]
 - ii) Pusingan 2: 27 Mac 2023 - 23 April 2023 [10 Pemenang]
 - c) Hadiah Mingguan
 - i) Minggu 1 & Minggu 2: 27 Feb 2023 - 12 Mac 2023 [25 Pemenang]
 - ii) Minggu 3 & Minggu 4: 13 Mac 2023 - 26 Mac 2023 [25 Pemenang]

- iii) Minggu 5 & Minggu 6: 27 Mac 2023 - 9 April 2023 [25 Pemenang]
- iv) Minggu 7 & Minggu 8: 10 April 2023 - 23 April 2023 [25 Pemenang]

3) Pemenang akan diumumkan di laman sosial Hi Ajinomoto MY & laman web <https://www.ajinomoto.com.my/promotion/sahurcontest2023>, pada tarikh-tarikh berikut:

- 17 Mac 2023: Hadiah Mingguan [Pusingan 1 & 2]
- 31 Mac 2023: Hadiah Mingguan [Pusingan 3 & 4]
- 31 Mac 2023: Hadiah Bulanan [Pusingan 1]
- 14 April 2023: Hadiah Mingguan [Pusingan 5 & 6]
- 28 April 2023: Hadiah Mingguan [Pusingan 7 & 8]
- 28 April 2023: Hadiah Bulanan [Pusingan 2]
- 28 April 2023: Hadiah Utama

Keputusan Penganjur ke atas pemilihan para pemenang adalah muktamad dan konklusif. Sebarang pertikaian tidak akan dilayan.

Nama Para Pemenang akan diumumkan melalui laman akaun Facebook & laman web Penganjur seperti yang dibawah -

- Pautan akaun Facebook Penganjur: <https://www.facebook.com/HiAjinomotoMY/>
- Pautan laman web Penganjur: <https://www.ajinomoto.com.my/promotion/sahurcontest2023>

Penebusan Hadiah

Seorang (1) Peserta layak untuk memenangi satu (1) Hadiah Utama, satu (1) Hadiah Bulanan dan satu (1) Hadiah Mingguan sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.

Pemenang Utama & Bulanan -

Para Pemenang yang layak akan dihubungi melalui telefon. Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi pada cubaan pertama, contohnya tidak menjawab telefon, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tiada sambungan dan lain-lain, tiga (3) cubaan lain akan dibuat lagi dalam tempoh dua puluh empat (24) jam yang berikutnya selepas panggilan pertama dibuat. Sekiranya percubaan-percubaan ini tidak berhasil, pihak Penganjur berhak memilih Peserta seterusnya sebagai pemenang yang layak.

Pemenang Mingguan -

Satu email mengandungi PIN E-Wallet Touch 'n Go akan dihantar kepada setiap pemenang Mingguan. Jika email yang dihantar tidak dapat diterima atau melantun kembali kepada akaun pihak penganjur, para pemenang akan dihubungi melalui telefon oleh pihak penganjur bagi mendapatkan alamat email para pemenang yang baru. Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi pada cubaan pertama, contohnya tidak menjawab telefon, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tiada sambungan dan lain-lain, tiga (3) cubaan lain akan dibuat lagi dalam tempoh dua puluh empat (24) jam yang berikutnya selepas panggilan pertama dibuat. Sekiranya percubaan-percubaan ini tidak berhasil, pihak Penganjur berhak memilih Peserta seterusnya sebagai pemenang yang layak.

Pihak Penganjur tidak akan bertanggung jawab sekiranya pemenang-pemenang yang layak tidak dapat dimaklumkan atas sebarang sebab. Kesemua hadiah mestilah dituntut oleh pemenang sendiri dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tarikh pemberitahuan kemenangan. Hadiah-hadiah yang gagal dituntut selepas tujuh (7) hari tersebut akan dilupuskan oleh pihak Penganjur.

Pihak Penganjur berhak membatalkan kelayakan Peserta secara automatik bagi sebarang penyertaan yang tidak lengkap, sukar dibaca, rosak, lewat atau tidak dilampirkan gambar.

Pihak Penganjur mempunyai hak automatik, di atas budi bicaranya untuk menyingkirkan, membatalkan kelayakan penyertaan yang tidak lengkap atau lewat atau penyertaan di mana mengikut budi bicara pihak Penganjur mempunyai pernyataan fitnah, melibatkan penciplakan, melanggar (atau mungkin melanggar) hak cipta, tanda dagangan, atau hak intelek atau hak proprietari mana-mana entiti atau pihak, orang yang hidup atau meninggal dunia (termasuk hak-hak privasi atau publisiti atau perlambangan gambaran yang palsu).

Pihak Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan hadiah dengan yang lebih kurang sama nilainya tanpa sebarang notis. Semua hadiah tidak boleh ditukar milik, dikembalikan atau ditukar dalam apa jua jenis atas sebarang sebab. Nilai hadiah adalah betul pada masa percetakan. Semua hadiah diberikan dalam keadaan sedia ada.

Liabiliti & Tanggung jawab

Pihak Penganjur, syarikat-syarikat gabungannya, pengedar, agensi pengiklanan dan syarikat promosi jualan yang berkaitan dengan peraduan menafikan sebarang dan semua liabiliti yang timbul daripada Peraduan ini dan tidak akan bertanggung-jawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan (termasuk tanpa had, kehilangan tidak langsung, khas atau akibat atau kehilangan keuntungan), perbelanjaan, kerosakan, kecederaan peribadi atau kematian yang

dialami (sama ada yang timbul daripada mana-mana kecuaiian orang atau tidak) yang timbul daripada sebarang penyertaan peserta dalam Peraduan ini, penebusan dan/atau penggunaan hadiah, kecuali bagi sebarang liabiliti yang tidak boleh dikecualikan daripada undang-undang (yang mana liabiliti tersebut adalah terhad kepada jumlah minima yang dibenarkan oleh undang-undang).

Lain - Lain

Dengan menyertai Peraduan ini, setiap Peserta bersetuju dengan Terma & Syarat Peraduan ini dan pihak Penganjur berhak untuk:

1. Menerbitkan, menggunakan nama dan/atau foto-foto Peserta Layak dan/atau para pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau publisiti tanpa memberi bayaran atau notis terlebih dahulu dan seterusnya bersetuju bahawa dengan menyertai Peraduan ini, Peserta Layak dan/atau para pemenang mengeneppikan semua hak yang berkaitan dengan foto yang mereka telah sertakan untuk peraduan ini.
2. Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Promosi dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian. Dengan menyertai dan mengambil bahagian dalam Peraduan ini peserta bersetuju dengan Terma & Syarat Peraduan ini.

Perlindungan Data - Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ('PDPA')

Notis bertulis ("Notis") ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak Penganjur (Ajinomoto Malaysia). Tambahan lagi, dengan menyertai Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh Pihak Penganjur dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Pihak Penganjur akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada Pihak Penganjur seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor hubungan, alamat dan maklumat lain yang kami hendaki daripada anda dalam borang Peraduan ini. Pihak Penganjur akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada Pihak Penganjur, untuk tujuan mengendalikan peraduan dan menghubungi anda (jika perlu).

Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas.